



PELAN STRATEGIK JAKIM 2019 - 2025

جابتن كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PELAN
STRATEGIK JAKIM
2019 - 2025

جايته كمال جوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

- iii** Perutusan Menteri
di Jabatan Perdana Menteri
- iv** Perutusan
Ketua Setiausaha Negara
- v** Kata Alu-Aluan
Ketua Pengarah JAKIM
- 01** BAB 1:
Pendahuluan
- 13** BAB 2:
Senario Persekitaran
- 27** BAB 3:
Hala Tuju Strategik
- 29** BAB 4:
Strategi
- 37** BAB 5:
Implementasi ke Arah Kejayaan
- 41** BAB 6:
Penutup

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Assalamualaikum Wrh. Wbt.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat-Nya kita masih diberikan kekuatan dan pertolongan untuk menunaikan amanah-Nya sebagai khalifah di bumi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia nabi dan rasul, seterusnya kepada ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Saya merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta semua pihak yang terlibat atas segala usaha yang telah dilakukan bagi menghasilkan pelan strategik ini. Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 adalah rujukan utama dalam setiap gerak kerja JAKIM akan datang. Pentadbiran Islam mesti menterjemahkan satu pentadbiran yang ramah, pengurusan yang menyantuni dan kerja penyelarasan yang inklusif dan progresif. Falsafah yang akan menampung serta menentukan perjalanan pentadbiran hal ehwal Islam adalah berlandaskan gagasan *Rahmatan Lil Alamin* yang terangkum dalam kerangka *Maqasid Syariah* dan diterjemahkan melalui Model Malaysia, sebagai negara yang berbilang bangsa, kaum dan agama. Islam adalah rahmat daripada Allah SWT kepada seluruh alam, tanpa batasan kaum, bukan eksklusif kepada sesuatu bangsa dan tidak terhad kepada pengamal budaya tertentu.

Justeru, saya amat yakin terhadap keupayaan JAKIM selaku agensi yang menyelaraskan urusan hal ehwal Islam di peringkat pusat, dengan gabungan usaha dan tenaga daripada semua pihak mampu berperanan menguruskan hal ehwal Islam dengan berkesan di negara ini.

Saya berharap, dokumen pelan strategik ini menjadi panduan dan rujukan utama kepada semua warga JAKIM dalam menjalankan amanah sebagai penjawat awam, juga sebagai rujukan kepada pemegang taruh terutamanya agensi-agensi pengurusan Islam di peringkat pusat dan negeri.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Assalamualaikum Wrh. Wbt.

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Sekalung tahniah kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas kejayaan membangunkan Pelan Strategik JAKIM 2019-2025.

Bertitik tolak daripada perkara ini, antara teras strategik utama adalah menyentuh tentang penyeragaman undang-undang Islam, penyelidikan dan pembangunan berteraskan Maqasid Syariah dan pemerkasaan sistem pendidikan Islam serta pemantapan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif.

Selain itu, teras strategik ini juga merangkumi pengukuhan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai negara peneraju halal global, peningkatan keupayaan sosioekonomi umat Islam menerusi penyelarasan polisi yang komprehensif dan inklusif serta pembudayaan tadbir urus berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kepedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam.

Justeru, berdasarkan teras-teras Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 ini, saya percaya JAKIM mampu menjadi penggerak utama dalam meneruskan aspirasi Kerajaan yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 ini digubal khusus bagi mengimbangi kepuasan pelanggan supaya organisasi Kerajaan dapat mencapai kejayaan dengan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat.

Oleh yang demikian, saya juga berharap agar warga JAKIM dapat menterjemah, menghayati dan melaksanakan pelan strategik ini, seterusnya mengangkat nama Malaysia sebagai negara yang dipacu berteraskan nilai-nilai murni dalam Islam.

Sekian, terima kasih.

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum Wrh. Wbt.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Illahi atas keizinan-Nya dan berkat usaha gigih pelbagai pihak dalam menyumbang idea-idea yang bernas, maka JAKIM telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik JAKIM 2019-2025.

Pelan Strategik ini menggariskan tujuh teras strategik yang menjadi fokus utama gerak kerja JAKIM bagi tahun 2019 hingga 2025. JAKIM berazam untuk melaksanakan semua program yang terkandung dalam tujuh teras strategik tersebut dengan efisien dan efektif bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

JAKIM mempunyai tanggungjawab sebagai penyelaras pengurusan hal ehwal Islam yang amat signifikan di negara ini. Tanggungjawab ini dilihat semakin mencabar memandangkan pelbagai isu kontemporari yang menuntut JAKIM untuk memiliki hala tuju serta perancangan masa depan yang strategik dan tuntas. JAKIM juga sentiasa menjadi tempat rujukan umat Islam dan bukan Islam dalam merungkai sesuatu permasalahan dengan menjadikan Islam sebagai neraca ukuran. Ini selaras dengan gagasan *Rahmatan Lil Alamin* yang diperkenalkan oleh Kerajaan yang menuntut JAKIM untuk mengurus pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia melalui pendekatan berhikmah dan bijaksana ke arah membina suasana kehidupan yang aman dan harmoni.

Justeru, JAKIM perlu kekal relevan sebagai sebuah organisasi yang mantap dalam pengurusan hal ehwal Islam selaras dengan visi dan misi JAKIM. Warga JAKIM secara keseluruhan juga hendaklah menghayati Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 ini dengan baik dan melaksanakan segala program yang telah dirancang.

Akhirulkalam, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak khususnya Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaku pakar rujuk dan perunding serta kepada semua pegawai JAKIM yang terlibat dalam menjayakan penggubalan Pelan Strategik JAKIM 2019-2025. Semoga inisiatif ini mendapat petunjuk dan hidayah Illahi serta dikurniakan ganjaran kebaikan yang setimpal dengan sumbangan yang telah dicurahkan.

Sekian, terima kasih.

BAB 1: PENDAHULUAN

Ringkasan Eksekutif

Pengenalan

Latar Belakang

Struktur Organisasi

Fungsi

Punca Kuasa (Hal Ehwal Islam)

Punca Kuasa (Pentadbiran)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 digubal selaras dengan visi JAKIM untuk menjadi peneraju pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Ini selaras dengan rasionalisasi JAKIM dan perubahan dasar-dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak-pihak berkepentingan atau pemegang taruh mengenai peningkatan kualiti pengurusan hal ehwal Islam.

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan dan hala tuju strategik bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik JAKIM untuk tempoh tujuh tahun akan datang. Bagi merealisasikan visi dan misi JAKIM, sebanyak tujuh teras strategik telah digariskan, iaitu:

Memperkasa penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam ke arah pelaksanaan syariat yang lebih berhikmah

1

Memperkukuhkan pentadbiran Islam melalui penyelidikan dan pembangunan dasar yang lebih progresif berteraskan maqasid syariah

2

Membina keperibadian unggul melalui pemerkasaan sistem pendidikan Islam ke arah kesejahteraan ummah

3

Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak

4

Mengukuhkan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global

5

Membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kepedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam

6

Meningkatkan keupayaan sosioekonomi umat Islam menerusi penyelarasan polisi yang komprehensif dan inklusif

7

Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi memastikan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran lebih berkesan.

PENGENALAN

Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik JAKIM 2015-2019. Ia diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja JAKIM seiring dengan matlamat negara untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Pelan strategik ini akan menjadikan JAKIM lebih efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama dengan membudayakan konsep ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Ia juga untuk memperkukuh fungsi dan peranan JAKIM seperti yang ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Kesejahteraan negara dan hidup rakyat sangat bergantung kepada kehidupan yang aman dan damai. Langkah membina negara maju dan sejahtera adalah intipati Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang bermatlamat untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of livings*) kepada semua rakyat menjelang tahun 2030. Selaras dengan Wawasan Kerajaan tersebut, aspirasi baharu pentadbiran Islam telah menggagaskan Dasar Pentadbiran RAHMAH yang akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan. Aspirasi baharu yang dizahirkan melalui dasar berteraskan nilai *Rahmatan Lil 'Alamin* dan lima prinsip Maqasid Syariah ini sangat inklusif dan sejagat serta mampu menjadi model yang progresif.

Melalui pelan tindakan di bawah Teras 5; Pelan Strategik JAKIM selari dengan Teras Strategik 2; WKB2030 di bawah Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (*Key Economic Growth Activities-KEGA*); di bawah KEGA 6: Hub Halal dan Makanan. Selain itu, di bawah Teras 7; Pelan Strategik JAKIM; selaras dengan Strategik 1 di bawah WKB2030; Ekosistem Perniagaan dan Industri yang menekankan pengembangan perniagaan melalui pembiayaan yang holistik dan mesra PKS.

Pelan strategik ini sangat penting sebagai panduan kepada seluruh warga JAKIM bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematik dan berkesan berdasarkan kepada strategi yang telah ditetapkan. Pelan ini juga menjadi rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan JAKIM.

Pelan ini diharap dapat mencapai matlamatnya, iaitu bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan melalui pendekatan rahmah ke arah kesejahteraan ummah.

LATAR BELAKANG

Kewujudan JAKIM dalam jentera pentadbiran negara mempunyai nilai yang signifikan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa perkara yang berkaitan hal ehwal Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, sebuah organisasi khusus di peringkat pusat perlu diwujudkan bagi menyelaraskan urusan berkenaan.

Penglibatan Kerajaan Pusat dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini bermula apabila Majlis Raja-Raja dalam persidangannya kali ke-81 pada 17 Oktober 1968 telah bersetuju menubuhkan sebuah badan bagi menyelaraskan pentadbiran agama Islam di seluruh negara.

Badan ini telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Julai 1969 dengan nama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Barat. Badan ini kemudian ditukar namanya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 17 Jun 1971 apabila Sabah dan Sarawak menjadi ahli.

Serentak dengan penubuhan MKI pada 1 Julai 1969, sebuah urus setia kepada Majlis ini turut diwujudkan. Urus setia berkenaan yang mulanya beroperasi di Pejabat Perdana Menteri telah melalui proses pengembangan selaras dengan situasi semasa dan keperluan negara. Pada 1 Februari 1974, Urus Setia MKI ini dinaik taraf menjadi Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Kemudian, pada 21 Mei 1985, bahagian ini ditukar namanya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya, pada 1 Januari 1997, bahagian ini dinaik taraf sebagai sebuah jabatan dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri.

STRUKTUR ORGANISASI



FUNGSI

Fungsi 1: Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak

- Menyeragamkan undang-undang Islam dan pelaksanaannya di Malaysia.
- Menggubal draf akta undang-undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.
- Menyelaraskan mekanisme penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang Islam serta peraturan-peraturan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara.

Fungsi 2 : Penyelarasan Pentadbiran Islam

- Merancang dan menyelaraskan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menggubal dasar dan menentukan hala tuju kemajuan Islam di Malaysia.
- Menjadi agensi rujukan, pengiktirafan, penarafan dan khidmat nasihat berkaitan Islam.
- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berkaitan hal ehwal Islam.
- Memelihara pegangan dan penghayatan akidah umat Islam berdasarkan Ahli Sunnah wal Jamaah daripada sebarang bentuk penyelewengan.
- Menyelaraskan pandangan hukum berkaitan isu-isu nasional.
- Mengukuhkan kerjasama strategik hal ehwal Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.
- Mengukuhkan ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan umat Islam.
- Menyebarkan dakwah dalam kalangan masyarakat.
- Mengukuhkan institusi keluarga dan komuniti Islam.
- Menerajui pengurusan halal di peringkat domestik dan antarabangsa.
- Memperkasakan keupayaan modal insan JAKIM dan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menyelaraskan polisi dan rangka kerja berkaitan pembangunan sosioekonomi Islam.

Fungsi 3 : Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

- Memantapkan penyelarasan pengurusan pendidikan Islam di peringkat negeri dan persekutuan.
- Menyelaraskan pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.

PUNCA KUASA (HAL EHWAL ISLAM)



Perkara 3 (1), (2) dan (5)

3. Agama bagi Persekutuan

(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Perkara 12(2)

12. Hak berkenaan dengan pendidikan

(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

JADUAL KESEMBILAN

Senarai II- Senarai Negeri

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.



PERATURAN
MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI
HAL EHWAL UGAMA ISLAM
MALAYSIA

Perkara 7

7. Tugas-tugas Majlis ialah:

- (a) membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;
- (b) memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Perkara 10

10. Majlis adalah berkuasa melantik sebuah Jawatankuasa Kecil bagi menguruskan apa-apa perkara yang berkenaan dengan tugas-tugasnya dan Majlis boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang lain menjadi ahli Jawatankuasa Kecil itu.

Perkara 16

16. Tiadalah apa-apa jua perbuatan Majlis boleh menyentuh kedudukan, hak, kelebihan, hak kedaulatan dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja sebagai Ketua Ugama Islam dalam Negerinya dan sebagaimana yang ada diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam Perlembagaan bagi Negerinya.

**Akta 505
AKTA PENTADBIRAN
UNDANG-UNDANG
ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH)
1993**

Seksyen 3. Kecualian prerogatif

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalamnya boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.



PUNCA KUASA (PENTADBIRAN)

JEMAAH MENTERI

JABATAN PERDANA MENTERI

PERINTAH MENTERI-MENTERI PERSEKUTUAN

AKTA/UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PEKELILING/SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

PEKELILING/SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN

PEKELILING/SURAT PEKELILING AM

DASAR-DASAR AWAM

BAB 2: SENARIO PERSEKITARAN

Pihak-pihak Berkepentingan

Pelanggan

Isu dan Cabaran

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

- a) Yang di-Pertuan Agong
- b) Majlis Raja-Raja
- c) Perdana Menteri
- d) Timbalan Perdana Menteri
- e) Jemaah Menteri
- f) Menteri di JPM (Agama)
- g) Ketua Setiausaha Negara

PELANGGAN

- a) Kementerian dan Jabatan Persekutuan
- b) Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri
- c) Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri
- d) Jabatan Mufti Negeri
- e) Badan Berkanun
- f) Sektor Swasta
- g) Syarikat Berkaitan Kerajaan
- h) Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
- i) Pertubuhan Bukan Kerajaan
- j) Agensi Islam Peringkat Antarabangsa
- k) Masyarakat Tempatan, Serantau dan Antarabangsa

ISU DAN CABARAN

**Political
factor**



**Economic
factor**




**Social
factor**



**Technological
factor**



**Environmental
factor**



**Legal
factor**



FAKTOR POLITIK

Politik yang stabil merupakan antara faktor penyumbang ke arah keamanan dan kejayaan sesebuah negara. Sebuah negara yang aman adalah melalui kesepakatan dan perpaduan yang jitu sesama masyarakat. Kejayaan yang ditempa oleh Malaysia melalui hubungan antara kaum dan hidup harmoni dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama, memberi impak kepada kestabilan politik di negara ini.

Namun, tidak dinafikan juga wujud percikan-percikan api permusuhan yang cuba dinyalakan sedikit sebanyak menggugat rasa aman dan menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat. Isu provokasi dan penghinaan terhadap agama khususnya Islam, penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu serta isu perkauman dilihat semakin membimbangkan.

Dalam isu ini, Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara di bawah peruntukan Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebarang rasa kecurigaan dan kurang hormat kepada pemimpin hendaklah dijaui. Fenomena menghina pemimpin secara meluas seolah-olah kebebasan bersuara dan bertindak itu boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Kebebasan bersuara tidaklah memberikan jaminan mutlak kepada warganegara untuk menggunakan hak tersebut secara terbuka kerana kebebasan itu juga mempunyai had atau sekatan yang diperuntukkan di bawah Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan.

Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisaa' ayat 59 yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Qur’an) dan (Sunnah) Rasul-Nya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.*

Dalam konteks ini, ketaatan kepada pemimpin adalah dituntut dalam Islam, seperti yang digariskan dalam Rukun Negara selagi ianya tidak bersalahan dengan agama. Amalan budaya syura, yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW membolehkan pelbagai pandangan dan kelainan pendapat disuarakan, dihujahkan dan kemudiannya dicari titik pertemuan. Cabaran untuk bersetuju dalam keadaan tidak bersetuju merupakan cabaran yang besar demi mendapatkan kesatuan fikrah atau *wihdatul fikr* dalam kalangan umat Islam amnya dan pemimpin khasnya.

Perkongsian daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menerusi *Bayan Linnas* siri ke-49 berhubung adab bermuzakarah dalam menyantuni perbezaan pandangan adalah seperti berikut:

Rajah 1: Adab Bermuzakarah




Sumber: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1830-bayan-linnas-siri-49-perbezaan-itu-sewajarnya-menatijahkan-permusuhan>

FAKTOR EKONOMI

‘Kemakmuran Bersama’ atau *Shared Prosperity* yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah satu pendekatan atau dasar terkini dalam usaha meluaskan manfaat ekonomi untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa. Bagi menyahut dasar tersebut, umat Islam berhadapan dengan cabaran untuk bersaing secara sihat bagi memperkukuhkan sosioekonomi umat Islam. Antara cabaran yang dikenal pasti adalah pengurusan sumber ekonomi seperti wakaf, zakat, infak dan sumber-sumber lain yang kurang ditadbir urus dengan baik dan sistematik. Penyelarasan data antara kerajaan negeri dan pusat berkaitan sosioekonomi Islam diperlukan bagi kemudahan akses oleh pemegang taruh dan juga bertujuan melancar dan merencanakan perkembangan serta pembangunan sumber ekonomi.

Cabaran lain juga adalah budaya keusahawanan yang rendah dalam kalangan umat Islam disebabkan kurangnya latihan dan pendedahan kepada dunia perniagaan serta kurangnya keyakinan terhadap masa depan sesuatu perniagaan yan diceburi. Direkodkan pada tahun 2018, syarikat pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi bumiputera adalah hanya 32 peratus berbanding bukan bumiputera sebanyak 68 peratus. Perinciannya adalah seperti berikut:


Rajah 2: Statistik Pengesahan Halal Mengikut Kategori Industri Tahun

Sumber: Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM

FAKTOR SOSIAL

Pembangunan dan kemajuan negara perlu seimbang dengan pembangunan sosial rakyatnya. Cabaran umat Islam pada hari ini adalah untuk memperkasakan institusi keluarga dan belia. Penduduk Malaysia diunjurkan berjumlah 32.6 juta orang menjelang akhir tahun 2019, dengan seramai 14.95 juta atau 46.6% adalah terdiri daripada golongan belia. Sayidina Ali KW pernah berkata: *'Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.'*

Namun, apa yang membimbangkan, gejala sosial yang berlaku di negara ini seperti penagihan dadah, pembuangan bayi, gelandangan, kes juvana, penularan gejala HIV/ AIDS, seks bebas dan sumbang mahram banyak melibatkan umat Islam, Melayu. Situasi ini menjadi lebih kritikal apabila hubungan institusi kekeluargaan semakin rapuh menyebabkan golongan remaja khususnya semakin terabai. Kurangnya perhatian daripada ahli keluarga merupakan antara punca utama generasi muda terdedah kepada anasir-anasir tidak baik yang akhirnya mengheret mereka ke kancah jenayah dan masalah sosial yang membimbangkan.

Rajah 3: Jumlah Pecahan Penagih Dadah bagi Tempoh 2014-2018

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

Jadual 4: Pecahan Penghidap HIV/ AIDS Mengikut Bangsa 2016

Bil.	Bangsa	Peratusan
1.	Melayu	69%
2.	Cina	15%
3.	India	8%
4.	Warga Asing	4%
5.	Lain-lain	4%

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Direkodkan, antara faktor penyumbang terbesar bagi peningkatan kes HIV/ AIDS adalah disebabkan kegiatan homo/biseksual, di samping faktor lain seperti heteroseksual, perkongsian jarum dan pemindahan vertikal. Hubungan seks sesama lelaki atau dikenali sebagai *Men Sex Men* (MSM) semakin membimbangkan kerana selain daripada faktor *transgender*, data menunjukkan jangkitan HIV pada masa kini meningkat melalui MSM. Ianya lebih membimbangkan apabila direkodkan sepanjang tahun 2017, 54 peratus atau 1,800 individu daripada 3,347 jumlah keseluruhan kes baharu penghidap HIV adalah terdiri daripada bangsa Melayu.

Selain itu, isu remaja hamil melibatkan bangsa Melayu juga membimbangkan. Pada tahun 2018, analisis oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mendapati seramai 4,547 atau 43.38% remaja hamil melibatkan bangsa Melayu berbanding jumlah keseluruhan kes remaja hamil yang dicatatkan iaitu sebanyak 10,505 kes.

Dari aspek lain pula, golongan rentan juga perlu diperkasakan. Tujuannya adalah untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan supaya dapat berdikari dan memiliki kehidupan yang lebih baik. Pemikiran menunggu bantuan dan rasa 'selamat' dengan kehidupan sedia ada hanya akan menyebabkan golongan ini semakin ketinggalan dan tercicir. Pemberdayaan warga emas juga perlu menjadi agenda dalam pemerksaan golongan rentan.

FAKTOR TEKNOLOGI

Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi sememangnya diakui banyak memberi implikasi positif dan negatif dalam pembangunan sesebuah negara. Agensi agama tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran teknologi yang semakin maju pada hari ini. Antara cabaran Revolusi Perindustrian 4.0. atau *Industrial Revolution* (IR 4.0) adalah seperti berikut:

Rajah 5: Cabaran Industrial Revolution (IR 4.0)

Sumber: <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/cabaran-revolusi-industri-4->

Teknologi moden serba canggih yang berkembang pesat beberapa tahun kebelakangan ini telah membawa kepada penggunaan pelbagai peralatan elektronik dan peranti secara meluas oleh setiap individu. Lumrahnya, penerapan nilai-nilai moral dan kemanusiaan berlaku melalui didikan daripada ibu bapa, persekitaran dan peringkat pendidikan di sekolah. Didikan awal yang bermula daripada rumah merupakan tunjang utama dalam pembentukan sahsiah dan jati diri anak. Ini menjadi benteng untuk berhadapan dengan cabaran dunia dan teknologi yang semakin maju. Sekiranya didikan awal ini gagal, maka institusi keluarga akan menjadi rapuh.

Dalam konteks dakwah pula, tahap penguasaan pendakwah masa kini tidak hanya terfokus kepada ilmu *dini* semata-mata, malah perlu diimbangi dengan ilmu teknologi kerana ianya merupakan pelengkap kepada pendakwah alaf baharu. Produktiviti dan kecekapan dakwah mesti disampaikan melalui instrumen teknologi selari dengan generasi gajet pada hari ini. Walau bagaimanapun, komunikasi dakwah di era siber perlu kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan. Walaupun segala maklumat mudah diperoleh, namun ilmu agama seperti juga ilmu-ilmu sains yang lain mempunyai disiplin dan kaedah serta metodologi khusus yang memerlukan kepada bimbingan dan juga penjelasan daripada guru.

Dalam dunia teknologi hari ini juga, manusia bergantung kepada kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) yang terdapat dalam komputer atau gajet atau apa-apa mesin dalam membuat operasi. Antara kesan yang jelas adalah keputusan yang sepatutnya dibuat oleh manusia kini telah diserahkan kepada mesin atau lebih tepat lagi diserahkan kepada AI. Penggunaan dan kebergantungan manusia kepada teknologi perlu seimbang kerana teknologi hanyalah alat bantuan untuk kesenangan hidup.

Kini, tiba masanya agensi agama mengambil manfaat daripada perkembangan teknologi antaranya melalui pengemaskinian data yang berkaitan melalui sistem *big data*. Gerak kerja yang kukuh sesama agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri akan mengutuhkannya lagi institusi agama dan hasilnya akan memberi manfaat kepada rakyat khususnya dalam aspek pembangunan umat Islam. Selari dengan perkembangan teknologi ini, aspek pemantapan kompetensi pekerja, latihan dan keselamatan sistem perlu ditekankan. Aspek-aspek ini merupakan antara cabaran demi menyahut revolusi teknologi.

FAKTOR ALAM PERSEKITARAN

Pencemaran alam sekitar memberi ancaman dan impak negatif kepada manusia dan hidupan lain sekaligus menjejaskan pembangunan lestari (*sustainable development*). Persekitaran yang kurang lestari mengundang pelbagai kesan kepada masyarakat melibatkan tahap kualiti udara, penyakit dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kos pemulihannya memakan belanja yang besar.

Berdasarkan statistik pada tahun 2013, Malaysia antara antara penyumbang kepada pemanasan global apabila mencapai kadar 7.6 tan metrik per kapita dalam aspek pelepasan karbon. Pencemaran alam sekitar juga memberi kesan kepada sistem sungai yang membekalkan sumber air mentah kepada masyarakat. Kurangnya air bersih akan memberi kesan kepada kesihatan manusia di samping mengganggu ekosistem hidupan di laut dan kerosakan di bumi secara perlahan-lahan.

Malaysia telah menerima longgokan pencemaran yang akhirnya akan merugikan generasi akan datang. Sikap sambil lewa, kurang prihatin dan minda mesra alam (*environmentally friendly*) yang masih rendah dalam kalangan masyarakat menyebabkan nikmat Allah yang amat berharga tidak dihargai. Kurangnya kesedaran sivik terhadap penjagaan alam sekitar didapati menjadi sebahagian daripada budaya dan cara hidup dalam kalangan masyarakat. Kesedaran terhadap menghargai sumber alam semulajadi dan memelihara alam sekitar perlu dititiberatkan bukan sahaja melalui pendidikan di peringkat sekolah, malah ia perlu dipupuk melalui didikan awal bermula dari rumah.

Kerajaan memandang serius isu pencemaran plastik khususnya plastik sekali guna yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019 - Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkuat kuasa pada 19 Mac 2019 merupakan bukti pihak Kerajaan amat serius dalam menangani isu pencemaran alam sekitar. Perluasan kempen menghindari penggunaan plastik dalam mesyuarat, majlis rasmi dan program serta program advokasi melalui pelbagai medium diharapkan dapat membantu kejayaan kempen tersebut.

Di peringkat dunia, Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) [2030 Agenda] telah diperkenalkan dan perlu dicapai oleh semua negara menjelang 2030. Aspek kesihatan dan kesejahteraan merupakan antara 17 aspek di bawah SDGs yang selari dengan lima nilai sejagat *Maqasid Syariah* iaitu: memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Mesej dan pendekatan *Maqasid Syariah* yang diintegrasikan dengan SDGs akan memberi manfaat bukan sahaja kepada umat Islam malah kepada bukan Islam serta kepada semua hidupan di dunia. Siri penjelasan berhubung *Maqasid Syariah* dan SDGs dilihat merupakan cabaran besar yang perlu dipergiatkan lagi untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada pembuat dasar, pelaksana dan semua lapisan masyarakat.



FAKTOR PERUNDANGAN

Kaedah bagi penyelarasan undang-undang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mengikut Perkara 76(1)(b), Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri termasuk undang-undang Islam bagi maksud menggalakkan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri atau lebih.

Ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri memberi kesan kepada pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam antara negeri-negeri di negara ini. Memperkasakan kesepakatan antara negeri dalam isu keseragaman akan memberi faedah kepada kesatuan umat Islam.

Perbezaan yang wujud terhadap penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Syariah antara satu negeri dengan negeri yang lain boleh menimbulkan kekeliruan dan persepsi negatif terhadap tadbir urus kehakiman. Pembaharuan paradigma institusi kehakiman memerlukan perubahan yang lebih berani dan rahmah. Elemen menyantuni dan rehabilitatif dalam penghakiman perlu diperluaskan.

Di peringkat antarabangsa pula, negara berhadapan dengan tuntutan dan desakan daripada kumpulan pejuang hak asasi manusia yang bercanggah dengan prinsip negara. Tuntutan-tuntutan kumpulan pejuang hak asasi manusia daripada luar negara turut dirasakan tempiasnya di negara ini apabila terdapat persatuan dan NGO di Malaysia turut memperjuangkan tuntutan-tuntutan yang jelas bertentangan dengan negara dan syariat Islam khususnya.

Malaysia berdepan dengan isu utama hak asasi manusia termasuk hak kehidupan, kebebasan bersuara dan berhimpun, kebebasan beragama, isu lesbian, gay, biseksual, transgender dan *queer* atau *questioning* (LGBTQ), hak-hak wanita, hak kanak-kanak, hak pendidikan, hak migran dan pelarian dan hak memiliki harta.



Pentadbiran yang dibawa oleh Kerajaan pada hari ini berteraskan *Maqasid Syariah* melalui pendekatan *Rahmatan Lil Alamin* berkonsepkan Model Malaysia diyakini akan menghasilkan sebuah gagasan besar Negara Rahmah. Lima prinsip *Maqasid Syariah* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan serta harta dan 17 SDGs mengandungi nilai teras tadbir urus ke arah mencapai matlamat kehidupan dan tadbir urus yang mampan dan lestari.



Justeru, JAKIM mengetengahkan solusi bagi menyahut cabaran di atas melalui tujuh teras strategik seperti berikut:

1

Memperkasakan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam ke arah pelaksanaan syariat yang lebih berhikmah

2

Memperkukuhkan pentadbiran Islam melalui penyelidikan dan pembangunan dasar yang lebih progresif berteraskan maqasid syariah

3

Membina keperibadian unggul melalui pemeraksanaan sistem pendidikan Islam ke arah kesejahteraan ummah

4

Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak

5

Mengukuhkan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global

6

Membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kepedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam

7

Meningkatkan keupayaan sosioekonomi umat Islam menerusi penyelarapan polisi yang komprehensif dan inklusif

BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK

Visi, Misi, Slogan, Nilai Bersama

VISI

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

MISI

Memperkukuh Tadbir Urus Hal Ehwal Islam Melalui Pendekatan Rahmah ke Arah Kesejahteraan Ummah

SLOGAN

Melebar Risalah, Menyantuni Ummah

NILAI-NILAI BERSAMA

P H E I	1	PROFESIONAL Berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan mengutamakan peningkatan kompetensi diri
	2	HIKMAH Bijaksana dan memiliki akal budi yang luhur serta kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas
	3	EFISIEN Menjalankan tugas dengan cekap
	4	INTEGRITI Amanah, telus dan mempunyai jati diri berdasarkan prinsip akidah, syariat dan akhlak Ahli Sunnah wal Jamaah

BAB 5: IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

Mekanisme Pelaksanaan

Elemen Penentu Kejayaan

MEKANISME PELAKSANAAN

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN	KEKERAPAN/TEMPOH
1.	Penubuhan Jawatankuasa peringkat Jabatan dan Jawatankuasa peringkat Ketua Teras	i. Pengerusi Jawatankuasa peringkat Jabatan ii. Pengerusi Jawatankuasa peringkat Ketua Teras	2019-2025
2.	Pelaporan pelaksanaan program melalui sistem dashboard	Pegawai Penyelaras Bahagian	Setiap bulan
3.	Semakan dan penilaian laporan pelaksanaan	Ketua Teras	Dua kali setahun (Jun dan November)
4.	Pembentangan laporan pelaksanaan dan penilaian dalam Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik JAKIM	Ketua Teras	Dua kali setahun (Julai dan Disember)
5.	Kajian semula, penilaian dan penambahbaikan	Jabatan	2021-2024

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

1. Kepimpinan berwibawa

Kepimpinan yang berwibawa dan berkualiti adalah tonggak kejayaan sesebuah organisasi. Pemimpin akan mengintegrasikan semua faktor dan sumber dalam organisasi secara strategik bagi memastikan organisasi sentiasa berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Justeru, pemimpin yang berwibawa dengan literasi teknologi, daya fikir, ketrampilan dan moral yang tinggi amat diperlukan kerana akan menjadi sumber inspirasi dan petunjuk arah kepada warga organisasi dalam merealisasikan segala perancangan.

2. Modal insan berintegriti

Modal insan merupakan agen penggerak utama dalam usaha mencapai hala tuju yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan agensi. Sebagai aset berharga kepada sesebuah organisasi, seluruh warga Jabatan perlu mempunyai nilai dan kriteria yang unggul seperti mempunyai integriti yang tinggi, berfikiran positif, rasional dan bijaksana. Integriti perlu dimiliki, dihayati dan dibudayakan dalam semua aspek kehidupan lebih-lebih lagi apabila mendukung amanah rakyat dan negara. Sifat ikhlas, jujur dan amanah perlu sentiasa menjadi asas dalam semua tindakan.

3. Budaya kerja cemerlang dan RAHMAH

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan produktiviti dan kualiti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja yang positif antaranya ialah semangat kerja berpasukan yang tinggi, bekerja secara efektif dan kreatif, berusaha memenuhi jangkaan pelanggan dan menyantuni mereka di pelbagai peringkat serta bersedia melakukan perubahan. Budaya kerja yang cemerlang juga termasuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, korupsi, pengurusan birokratik dan pelbagai bentuk kecuiaan yang sering berlaku dalam pengurusan pentadbiran. Budaya ini akan menjadi lebih lengkap jika disulami dengan pendekatan RAHMAH (ramah, aman, hormat, mesra, alami dan harmoni).

4. Infrastruktur dan pengurusan maklumat terkini

JAKIM perlu sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang baik bagi memudahkan serta menyokong operasi Jabatan. Selain itu, Jabatan turut melaksanakan dasar, standard dan amalan terbaik global dalam memberikan penyampaian perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan. Strategi pemerkasaan penggunaan ICT dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan JAKIM telah membawa kepada anjakan era sistem inovasi kerajaan elektronik dan keselamatan ICT. Kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang baik serta disokong oleh sumber manusia yang berkualiti akan memacu Jabatan ke arah pencapaian matlamat perancangan strategik dengan lebih cemerlang.

5. Persekitaran kerja kondusif

Bagi memastikan kelangsungan pencapaian organisasi, kestabilan mental dan fizikal anggota organisasi; seharusnya berada di tahap tertinggi melalui persekitaran luaran dan dalaman yang kondusif dan berkualiti yang seterusnya akan memacu semangat untuk bekerja dan berkhidmat.

6. Penglibatan ilmuwan dan golongan pakar

Sebagai agensi yang diamanahkan oleh Majlis Raja-Raja untuk menjaga agama Islam yang telah diiktiraf oleh Perlembagaan sebagai agama persekutuan, JAKIM perlu membuka ruang untuk penglibatan golongan ilmuwan dan pakar untuk bersama-sama mendukung dan menegakkan syiar Islam dalam aspek akidah, syariah dan akhlak. Sumbangan mereka dalam memberi pandangan, nasihat dan pimpinan untuk diserasi dan diimplementasi dalam pentadbiran dan pengurusan negara merupakan kaedah yang amat berkesan dan relevan. Peranan ilmuwan dan golongan pakar dalam membangunkan negara menurut acuan agama diharap mampu memberi kesan yang baik untuk masa hadapan negara dan agama.

7. *Growth through collaboration*

Dalam keterbatasan sumber sama ada daripada segi tenaga, kewangan, kepakaran, infrastruktur dan sebagainya, langkah menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi awam, swasta dan badan bukan Kerajaan sama ada di dalam negara mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa adalah jalan terbaik untuk mencapai matlamat yang digariskan. Kerjasama ini akan membawa kepada pencapaian dan pembangunan yang segera. Dalam kerjasama ini juga, aspek penyelarasan perlu dititikberatkan supaya tidak berlaku pertindihan inisiatif dan program yang boleh merugi dan membazir pelbagai sumber.

BAB 6: PENUTUP



***P**elan Strategik JAKIM 2019-2025
mengandungi teras dan strategi yang
menjadi paksi kepada Pelan Tindakan
sebagai panduan dan rujukan utama untuk
memantapkan pengurusan hal ehwal
Islam. Pelan ini juga merupakan instrumen
pemantau utama bagi memastikan sistem
penyampaian perkhidmatan lebih efektif
selaras dengan peredaran masa dan
perubahan persekitaran. Pelan ini akan
menjadi pemacu kepada keunggulan
pelaksanaan program dan kecemerlangan
pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.*



جائتہ كمالجوان اسلام ماليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
603-8870 7000
www.islam.gov.my